



**LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA  
(KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI)**

## **DOKUMEN TAWARAN SEBUT HARGA**

**TAJUK** : **SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR *SCHEDULE OF EQUIPMENT* – *ADVANCE FURNITURE MACHINING TECHNOLOGY* DI PUSAT PEMBANGUNAN KEMAHIRAN INDUSTRI KAYU (WISDEC) SABAH BAGI TAHUN 2023**

**NO. SEBUT HARGA** : **MTIB/SH/034/2023**

**TARIKH IKLAN** : **22 NOVEMBER 2023 (RABU)**

**TARIKH/  
MASA DITUTUP** : **8 DISEMBER 2023 (JUMAAT) /  
JAM 12.00 TENGAH HARI**

**KATEGORI** : **BEKALAN DAN PERKHIDMATAN**

**KOD BIDANG MOF** : **130101 ATAU 130102**

<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA	4
<b><u>SEKSYEN A – ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA</u></b>	
1. PERIHAL SEBUT HARGA	5
2. CARA-CARA MENGISI BORANG SEBUT HARGA	5
3. KANDUNGAN SEBUT HARGA	5
4. PENYERAHAN SEBUT HARGA	6 - 7
5. FORMAT DOKUMEN TAWARAN SEBUT HARGA	8 - 9
6. PENJELASAN MENGENAI DOKUMEN SEBUT HARGA	9
<b><u>SEKSYEN B – SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA</u></b>	
1. KELAYAKAN MENYERTAI SEBUT HARGA	10
2. HARGA DAN TEMPOH SAH LAKU	10
3. PEMERIKSAAN	10
4. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI	11
5. DENDA	11
6. SETUJU TERIMA SEBUT HARGA	11
7. TEMPOH PERKHIDMATAN	12
8. PENGIKLANAN	12
9. TAFSIRAN	12
10. INSURANS	12
11. CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN (CJCP)	12
12. BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA	12 - 13
13. BARANG DIPESAN DARI LUAR NEGARA	13
14. HAK MTIB UNTUK MENERIMA ATAU MENOLAK TAWARAN SEBUT HARGA	13
15. SURAT SETUJU TERIMA (LOA)	13
16. KONTRAK/ SUB-KONTRAK DAN MENYERAH HAK BEKALAN	14
17. DOKUMEN KONTRAK PERJANJIAN	14
18. BON PELAKSANAAN	14
19. PEMATUHAN KEPADA ARAHAN KESELAMATAN DAN UNDANG-UNDANG KERAJAAN	15
20. PENAMATAN PERKHIDMATAN	15
21. PEMBATALAN SEBUT HARGA	15
22. KOS SEBUT HARGA	15
23. PELAKSANAAN <i>INTEGRITY PACT</i> DALAM PEROLEHAN KERAJAAN	15 - 16
24. AKTA RAHSIA RASMI	16

<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
25. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH	16
26. TARIKH TUTUP	17
27. HARGA INDIKATIF	17

**SEKSYEN C – SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA**

1. SYARAT-SYARAT KHAS KEPADA PENYEBUT HARGA	18- 20
---------------------------------------------	--------

**LAMPIRAN-LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN A</b> : SKOP PERKHIDMATAN PENYEBUT HARGA	22 - 26
<b>LAMPIRAN T</b> : SENARAI SEMAK DOKUMEN TAWARAN TEKNIKAL	27 – 28
<b>LAMPIRAN T1</b> : JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI	29– 51
<b>LAMPIRAN T2</b> : CADANGAN LATIHAN	52
<b>LAMPIRAN T3</b> : SENARAI AHLI PASUKAN PROJEK BESERTA <i>CURRICULUM VITAE</i>	53
<b>LAMPIRAN T4</b> : SENARAI PENGALAMAN SYARIKAT	54
<b>LAMPIRAN T5</b> : SURAT AKUAN/ PELANTIKAN (AUTHORISED LETTER) SAMA ADA SEBAGAI PENGELUAR/ PRINSIPAL/ PENGEDAR TUNGGAL/ EJEN DILANTIK PENGELUAR/ EJEN DILANTIK PENGEDAR TUNGGAL	55
<b>LAMPIRAN T6</b> : KATALOG ATAU RISALAH SPESIFIKASI MESIN	56
<b>LAMPIRAN T7</b> : JADUAL PELAKSANAAN ( <i>GANTT-CHART</i> )	57
<b>LAMPIRAN K</b> : SENARAI SEMAK DOKUMEN TAWARAN KEWANGAN	58 - 60
<b>LAMPIRAN Q</b> : ARAHAN PERBENDAHARAAN 170	61– 62
<b>LAMPIRAN K1</b> : JADUAL HARGA TAWARAN	63 - 65
<b>LAMPIRAN K2</b> : SALINAN SIJIL-SIJIL DAN BORANG-BORANG PENDAFTARAN BERKAITAN	66
<b>LAMPIRAN K3</b> : SALINAN PENYATA BULANAN AKAUN BANK BAGI TIGA (3) BULAN TERAKHIR	67
<b>LAMPIRAN K4</b> : KETERANGAN MENGENAI PENYEBUT HARGA	68 – 74
<b>LAMPIRAN K5</b> : SURAT AKUAN SEBUT HARGA	75 – 76
<b>LAMPIRAN K6</b> : RINGKASAN EKSEKUTIF DAN PROFIL SYARIKAT	77
<b>LAMPIRAN K7</b> : SURAT PENGESAHAN BANK/ INSTITUSI KEWANGAN MENGENAI KEMUDAHAN KREDIT DARIPADA BANK/ INSTITUSI KEWANGAN YANG DIBERI	78
<b>LAMPIRAN K8</b> : SURAT AKUAN PEMBIDA	79 – 80
<b>LAMPIRAN K9</b> : SURAT PERWAKILAN KUASA	81



LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA  
(KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI)

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR *SCHEDULE OF EQUIPMENT – ADVANCE FURNITURE MACHINING TECHNOLOGY* DI PUSAT PEMBANGUNAN KEMAHIRAN INDUSTRI KAYU (WISDEC) SABAH BAGI TAHUN 2023

(NO. SEBUT HARGA: MTIB/SH/034/2023)

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berpengalaman dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) yang masih sah **sekarang-kurangnya TIGA (3) BULAN** dari tarikh tutup sebut harga di bawah kod bidang seperti berikut:

Bil.	Kod Bidang	Jenis Bekalan/ Perkhidmatan
1.	130101	Peralatan Kejuruteraan dan Mesin Pengeluaran; ATAU
2.	130102	Mesin dan Kelengkapan Khusus.

2. Dokumen sebut harga boleh dimuat turun bermula pada **22 November 2023 (Rabu)** hingga **8 Disember 2023 (Jumaat)** menerusi Portal Rasmi MTIB di [www.mtib.gov.my](http://www.mtib.gov.my). Tarikh tutup sebut harga adalah pada **8 Disember 2023 (Jumaat)**.
3. Dokumen tawaran sebut harga yang telah siap diisi **HENDAKLAH** dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang ditetapkan di **Unit Pengurusan Perolehan, Bahagian Khidmat Pengurusan, Tingkat 16, Menara PGRM, No. 8, Jalan Pudu Ulu, 56100 Cheras, Kuala Lumpur** tidak lewat dari **jam 12.00 tengah hari** pada **8 Disember 2023 (Jumaat)**. Sebut harga yang **lewat TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**
4. Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) tidak bertanggungjawab ke atas kelewatan dokumen sebut harga yang diposkan dan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran yang dikemukakan.
5. Keputusan tawaran sebut harga dan syarikat yang berjaya akan disiarkan di dalam Portal Rasmi MTIB. Penyebut harga boleh menyemak status tawaran dalam tempoh di antara **satu (1) bulan hingga tiga (3) bulan selepas tarikh tutup sebut harga**. Bagi Penyebut harga yang namanya tidak disiarkan di Portal Rasmi MTIB adalah dianggap tidak berjaya dalam sebut harga ini.

**SEKSYEN A**  
**ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA**

**1.0 PERIHAL SEBUT HARGA**

- 1.1 Sebut harga adalah dipelawa kepada penyebut harga-penyebut harga yang berkeelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan (MoF) bagi **SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR *SCHEDULE OF EQUIPMENT – ADVANCE FURNITURE MACHINING TECHNOLOGY* DI PUSAT PEMBANGUNAN KEMAHIRAN INDUSTRI KAYU (WISDEC) SABAH BAGI TAHUN 2023.**
- 1.2 Penyebut harga yang dipelawa adalah tertakluk kepada Arahan-arahan, Syarat-syarat Am dan Syarat-syarat Khas yang terkandung di dalam dokumen ini. Arahan-arahan, Syarat-syarat Am dan Syarat-syarat Khas yang dinyatakan hendaklah disifatkan sebagai syarat kontrak. **Sebut Harga yang tidak mengikut arahan-arahan dan syarat-syarat yang dinyatakan tidak akan dipertimbangkan.**
- 1.3 Penyebut harga tidak boleh mencatatkan nama syarikat di mana-mana pun dalam dokumen tawaran teknikal. Kegagalan Penyebut harga mematuhi syarat ini boleh menyebabkan tawaran Penyebut harga ditolak.

**2.0 CARA-CARA MENGISI BORANG SEBUT HARGA**

- 2.1 Penyebut harga hendaklah membaca arahan-arahan dan syarat-syarat dalam dokumen sebut harga serta menyemak kandungan dokumen sebut harga dengan teliti sebelum mengisi borang-borang dan lampiran-lampiran sebut harga.
- 2.2 Borang sebut harga hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas mengikut ruangan-ruangan dan lampiran-lampiran yang disediakan.
- 2.3 Setiap pembetulan atau pindaan yang dibuat hendaklah ditandatangani ringkas atau dicap dengan cap rasmi syarikat setentang dengan pembetulan atau pindaan tersebut.

**3.0 KANDUNGAN SEBUT HARGA**

- 3.1 Sebut harga **hendaklah** dikemukakan dengan menggunakan **lampiran atau dokumen** yang telah ditetapkan mengikut senarai semak seperti di **Lampiran T (Teknikal)** dan **Lampiran K (Kewangan)**.
- 3.2 Sebut harga dikemukakan tidak mengikut lampiran atau dokumen yang telah ditetapkan seperti di **Perenggan 3.1 tidak akan diterima**. Walau bagaimanapun, Penyebut harga-Penyebut harga boleh mengemukakan dokumen tambahan mengikut format dinyatakan untuk memberi penerangan-penerangan.
- 3.3 Penyebut harga perlu mengepilkkan dokumen-dokumen di **perenggan 3.1** berserta dengan dokumen-dokumen lain yang berkaitan seperti yang dinyatakan di **Lampiran T dan Lampiran K**.

#### 4.0 PENYERAHAN SEBUT HARGA

- 4.1 Penyebut harga **DIKEHENDAKI** mengemukakan dokumen tawaran sebut harga dalam **DUA (2) sampul surat berlakri (*sealed*)** berasingan seperti berikut:

**“Sampul A” – Tawaran Teknikal**

**“Sampul B” – Tawaran Kewangan**

- 4.1.1 **“Sampul A” HENDAKLAH** mengandungi **DUA (2) set dokumen *hardcopy*** seperti yang ditetapkan di **Senarai Semak Dokumen Tawaran Teknikal, LAMPIRAN T (Teknikal)** dan ditandakan di sudut sebelah atas sampul surat seperti berikut:

**SULIT – MTIB/SH/034/2023  
(DOKUMEN TAWARAN TEKNIKAL)**

- 4.1.2 **“Sampul B” HENDAKLAH** mengandungi **DUA (2) set dokumen *hardcopy*** seperti yang ditetapkan di **Senarai Semak Dokumen Tawaran Kewangan, LAMPIRAN K (Kewangan)** dan ditandakan di sudut sebelah atas sampul surat seperti berikut:

**SULIT – MTIB/SH/034/2023  
(DOKUMEN TAWARAN KEWANGAN)**

- 4.2 **Sampul A dan B** seperti di Para 4.1, **HENDAKLAH** mengandungi **DUA (2) set dokumen *hardcopy*** iaitu:

- 4.2.1 **SATU (1) set Dokumen Asal** bagi setiap **Sampul A dan B MESTILAH** ditandakan sebagai **“ASAL”**.

- 4.2.2 **SATU (1) set Dokumen Salinan** bagi setiap **Sampul A dan B MESTILAH** ditandakan sebagai **“SALINAN”**. Sekiranya terdapat sebarang perbezaan atau keraguan di mana-mana dokumen salinan, salinan asal yang dikemukakan akan diguna pakai sebagai dokumen yang sah.

**PERINGATAN: DOKUMEN SALINAN PERLU MEMPUNYAI KESEMUA DOKUMEN YANG SAMA DENGAN DOKUMEN ASAL.**

- 4.3 **Sampul A dan Sampul B HENDAKLAH** dimasukkan ke dalam **satu (1) sampul surat yang lebih besar dan berlakri (*sealed*)** iaitu **SAMPUL UTAMA** dan **dilabel** seperti berikut:

**SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR *SCHEDULE OF EQUIPMENT*  
– *ADVANCE FURNITURE MACHINING TECHNOLOGY* DI PUSAT  
PEMBANGUNAN KEMAHIRAN INDUSTRI KAYU (WISDEC) SABAH BAGI  
TAHUN 2023**

**(NO. SEBUT HARGA: MTIB/SH/034/2023)**

**TARIKH TUTUP:**

**8 DISEMBER 2023 (JUMAAT), JAM 12.00 TENGAH HARI**

- 4.4 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan di alamat berikut:

**Ketua Pengarah  
LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (MTIB)  
Tingkat 16, Menara PGRM  
No. 8, Jalan Pudu Ulu, Cheras  
56100 KUALA LUMPUR  
(u.p.: Unit Pengurusan Perolehan)**

- 4.5 Dokumen sebut harga hendaklah dihantar secara serahan tangan atau pos ke alamat yang telah ditetapkan **pada atau sebelum tarikh dan waktu yang ditetapkan dalam Kenyataan Sebut Harga**. Jika dokumen sebut harga tidak dihantar sendiri, penyebut harga hendaklah mengatur dan memastikan supaya dokumen sebut harga dan lain-lain dokumen yang berkaitan dihantar secara pos sampai pada waktu dan tempat yang ditetapkan. Sebarang alasan berkaitan kelewatan penghantaran dokumen sebut harga yang diterima selepas tempoh yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- 4.6 MTIB tidak akan bertanggungjawab secara langsung atau tidak langsung, jika berlaku kelewatan, kehilangan atau lain-lain sebut harga dihantar. **Sebut harga yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan.**
- 4.7 Penyebut harga adalah **dilarang** untuk **mencatat atau melabel nama syarikat** di mana-mana Jadual Spesifikasi dan Pematuhan Teknikal, Jadual Pelaksanaan, Risalah dan Katalog yang dikembarkan.

## 5.0 FORMAT DOKUMEN TAWARAN SEBUT HARGA

5.1 Penyebut harga **DIKEHENDAKI** mengisi dengan lengkap dan mengemukakan maklumat-maklumat seperti yang dinyatakan di bawah sebagai sebahagian tawaran sebut harga iaitu:

### 5.1.1 Dokumen Tawaran Teknikal:

Bil.	Rujukan	Dokumen
1.	Lampiran T	Senarai Semak Dokumen Tawaran Teknikal.
2.	Lampiran T1	Jadual Pematuhan Spesifikasi.
3.	Lampiran T2	Cadangan Latihan.
4.	Lampiran T3	Senarai Ahli Pasukan Projek Beserta <i>Curriculum Vitae</i> Setiap Ahli Pasukan.
5.	Lampiran T4	Senarai Pengalaman Syarikat.
6.	Lampiran T5	Surat Akuan/ Pelantikan ( <i>Authorised Letter</i> ) Sama Ada Sebagai Pengeluar/ Prinsipal/ Pengedar Tunggal/ Ejen Dilantik Pengeluar/ Ejen dilantik Pengedar Tunggal.
7.	Lampiran T6	Katalog Atau Risalah Berserta Spesifikasi Dan Penerangan Bagi Setiap Mesin Berkaitan.
8.	Lampiran T7	Jadual Pelaksanaan ( <i>Gantt-Chart</i> ) bagi: (i) Perkhidmatan Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji dan Mentauliah Mesin; (ii) Aktiviti Latihan; dan (iii) Aktiviti Penyelenggaraan.

### 5.1.2 Dokumen Tawaran Kewangan:

Bil.	Rujukan	Dokumen
1.	Lampiran K	Senarai Semak Dokumen Tawaran Kewangan.
2.	Lampiran Q	Arahan Perbendaharaan 170.
3.	Lampiran K1	Jadual Harga Tawaran.
4.	Lampiran K2	Salinan Sijil-sijil dan Borang-Borang Pendaftaran Berkaitan iaitu: (i) Salinan Sijil Pendaftaran dari Kementerian Kewangan iaitu dalam kod bidang <b>130101 ATAU 130102</b> ; (ii) Salinan Sijil " <b>Taraf Bumiputera</b> " dari Kementerian Kewangan ( <b>jika ada</b> ); (iii) Salinan Sijil Pendaftaran dari <b>Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)</b> , atau <b>Borang D</b> atau <b>Borang E</b> atau Salinan Sijil Pendaftaran dari <b>Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)</b> atau <b>Lesen Perniagaan yang berkaitan</b> berserta maklumat pemilikan dan perniagaan syarikat.



Bil.	Rujukan	Dokumen
		<p>Bagi syarikat <b>Berhad</b> dan <b>Sendirian Berhad</b>, Penyebut harga dikehendaki memajukan <b>Borang 8 (Berhad)</b> atau <b>Borang 9 (Sendirian Berhad)</b>; <b>Borang 24</b>; dan <b>Borang 49</b>; atau <b>Carian SSM e-info</b>;</p> <p>(iv) Salinan <b>Borang 13 SSM</b> atau <b>Carian SSM e-info</b> sekiranya syarikat bertukar nama; dan</p> <p>(v) Salinan Sijil Pendaftaran <b>Cukai Jualan &amp; Cukai Perkhidmatan (CJCP)</b> dengan <b>Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)</b>, jika berdaftar.</p>
5.	<b>Lampiran K3</b>	Penyata Bank bagi tiga (3) bulan terakhir atau <b>Ogos 2023, September 2023 dan Oktober 2023</b> atau <b>Terkini</b> serta hendaklah <b>DIAKUI SAH OLEH PIHAK BANK</b> bagi setiap bulan.
6.	<b>Lampiran K4</b>	Keterangan Mengenai Penyebut harga.
7.	<b>Lampiran K5</b>	Surat Akuan Sebut Harga.
8.	<b>Lampiran K6</b>	Ringkasan Eksekutif dan Profil Syarikat.
9.	<b>Lampiran K7</b>	Surat Pengesahan Bank/ Institusi Kewangan Mengenai Kemudahan Kredit daripada Bank/ Institusi Kewangan yang Diberi ( <b>jika ada</b> ).
10.	<b>Lampiran K8</b>	Surat Akuan Pembida.
11.	<b>Lampiran K9</b>	Surat Perwakilan Kuasa.

## 6.0 PENJELASAN MENGENAI DOKUMEN SEBUT HARGA

- 6.1 Sebarang pertanyaan berkenaan sebut harga ini boleh dibuat secara bertulis, e-mel atau faks dan dihantar sebelum tarikh tutup sebut harga ke alamat berikut:

**Unit Pengurusan Perolehan**  
**Bahagian Khidmat Pengurusan**  
**LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (MTIB)**  
**Tingkat 16, Menara PGRM**  
**No. 8, Jalan Pudu Ulu, Cheras**  
**56100 KUALA LUMPUR**

**No. Tel. : 03-9282 2235 sambungan 1317**  
**E-mel : [husaini.ghani@mtib.gov.my](mailto:husaini.ghani@mtib.gov.my)**

- 6.2 Sekiranya Penyebut harga memerlukan penjelasan lanjut berkaitan **skop dan spesifikasi perkhidmatan** Penyebut harga boleh berhubung terus dengan pegawai berkenaan melalui:

**No. Tel. : 03-31492924 ext. 126**  
**No. Faks. : 03-3149 2122**  
**E-mel : [hasydan@mtib.gov.my](mailto:hasydan@mtib.gov.my)**  
**Pegawai : Tc. Mohammad Hasydan bin Alias**

**SEKSYEN B**  
**SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA**

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah diguna pakai. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat-syarat am ini membolehkan sebut harga yang dikemukakan oleh penyebut harga ditolak.

**1.0 KELAYAKAN MENYERTAI SEBUT HARGA**

- 1.1 Sebut harga adalah dipelawa kepada semua penyebut harga tempatan yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan (MoF)** di bawah kod bidang **130101 ATAU 130102** serta pendaftaran tersebut perlu sah sekurang-kurangnya **TIGA (3) BULAN** dari tarikh tutup sebut harga.
- 1.2 Jika tempoh pendaftaran telah atau hampir tamat, Penyebut harga hendaklah mengemukakan salinan surat daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) yang menyatakan bahawa permohonan lanjutan/ pembaharuan tempoh pendaftaran telah dibuat.
- 1.3 MTIB berhak melantik dan membatalkan kontrak syarikat sekiranya perkhidmatan pembekal tidak mematuhi syarat yang ditetapkan/ tawaran yang dipersetujui.

**2.0 HARGA DAN TEMPOH SAH LAKU**

- 2.1 Harga yang ditawarkan hendaklah dalam **RINGGIT MALAYSIA (RM)**. Jadual harga yang dikemukakan mestilah dinyatakan dalam angka yang tepat bagi unit harga dan jumlah harga serta merupakan harga bersih (termasuk semua diskaun dan kos tambahan) bagi setiap item dan berdasarkan kepada format yang disediakan seperti pada **Lampiran K1** dalam dokumen ini.
- 2.2 Harga yang disebutkan dalam sebut harga sah laku dalam tempoh **tidak kurang dari 90 hari** dari tarikh tutup sebut harga.

**3.0 PEMERIKSAAN**

- 3.1 MTIB sentiasa berhak melantik seseorang pegawai yang memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut.
- 3.2 Perakuan penerimaan hanya akan dibuat setelah perkhidmatan pembekalan tersebut telah siap dan diperiksa oleh pegawai MTIB yang dilantik atau diberi kuasa.
- 3.3 Pegawai MTIB yang dilantik tersebut berhak membuat penolakan ke atas bekalan/ perkhidmatan yang tidak menepati keperluan sepertimana spesifikasi bekalan/ perkhidmatan dalam dokumen sebut harga. Penyebut harga juga hendaklah menyempurnakan bekalan/ perkhidmatan yang ditolak tersebut. Kos perbelanjaan yang berkaitan hendaklah ditanggung oleh Penyebut harga.

#### 4.0 PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/ perkhidmatan yang ditawarkan adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan sebut harga ini.

#### 5.0 DENDA

5.1 Setelah pesanan/ arahan dikeluarkan oleh MTIB, Penyebut harga dikehendaki melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti perkhidmatan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak MTIB. Sekiranya Penyebut harga gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, MTIB berhak membatalkan pesanan/arahan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan **denda** mengikut formula berikut:

5.1.1 **Pembekal melaksanakan pembekalan dan perkhidmatan yang tidak menepati objektif dan tempoh masa** akan dikenakan **potongan bil menurut kadar 10%** daripada jumlah harga bekalan dan perkhidmatan yang diberikan.

5.1.2 **Pembekal yang menghantar bekalan tiruan** hendaklah **menanggung atau menggantikan segala kerugian** akibat daripada bekalan dan perkhidmatan tersebut.

5.1.3 **Pembekal gagal menghantar bekalan dan perkhidmatan** berdasarkan jadual yang ditetapkan atau mengikut arahan atau permintaan MTIB akan dikenakan **denda** mengikut formula berikut:

$$\frac{V (T + D) \times 5\%}{T}$$

V: Nilai harga bekalan/ perkhidmatan yang lewat diberikan.

T: Tempoh bekalan/ perkhidmatan mengikut kontrak dalam hari.

D: Bilangan hari yang lewat.

5.2 Bagi kerja-kerja yang terpaksa ditangguhkan kerana sebab-sebab di luar kawalan Penyebut harga seperti rusuhan, kekacauan awam, mogok, kebakaran, banjir, bahaya laut atau seumpama, MTIB boleh membenarkan perlanjutan tempoh kerja-kerja tersebut dengan syarat Penyebut harga perlu mengemukakan notis sebab-sebab kerja tertangguh dan masa yang diperlukan.

#### 6.0 SETUJU TERIMA SEBUT HARGA

MTIB tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga jua pun. Keputusan adalah muktamad dan MTIB tidak akan melayan sebarang surat menyurat yang berupa rayuan daripada Penyebut harga berhubung sebab-sebab Penyebut harga tidak berjaya.

## **7.0 TEMPOH BEKALAN/ PERKHIDMATAN**

Tempoh maksimum bekalan/ perkhidmatan adalah selama **enam (6) bulan.**

## **8.0 PENGIKLANAN**

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan MTIB terlebih dahulu.

## **9.0 TAFSIRAN**

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh Undang-undang Malaysia, dan Penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

## **10.0 INSURANS**

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan dari negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

## **11.0 CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN (CJCP)**

11.1 Harga tawaran oleh **Penyebut harga hendaklah dikemukakan dengan dinyatakan harga tawaran dan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP) secara berasingan.**

11.2 Sekiranya perkhidmatan yang ditawarkan oleh Penyebut harga termasuk dalam senarai yang dikenakan Cukai Jualan dan/atau Cukai Perkhidmatan serta Penyebut harga yang berjaya adalah berdaftar CJCP dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), maka Penyebut harga akan ditawarkan dengan nilai tawaran termasuk kenaan CJCP.

## **12.0 BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA**

### **12.1 Cukai**

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

### **12.2 Pembungkusan**

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

### 12.3 Pengenalan

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan hendaklah ditunjukkan.

## 13.0 BARANG DIPESAN DARI LUAR NEGARA

### 13.1 Cukai

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

### 13.2 Mata Wang

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam **Ringgit Malaysia (RM)**.

### 13.3 Pembungkusan

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh Penyebut harga.

## 14.0 HAK MTIB UNTUK MENERIMA ATAU MENOLAK TAWARAN SEBUT HARGA

14.1 MTIB tidak terikat untuk menerima tawaran sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga yang diterima.

14.2 MTIB juga berhak untuk menerima sebahagian atau keseluruhan cadangan dalam tawaran sebut harga.

14.3 Keputusan MTIB adalah **muktamad** dan MTIB tidak akan teragak-agak untuk memberi apa-apa alasan bagi penolakan mana-mana sebut harga.

## 15.0 SURAT SETUJU TERIMA (LOA)

15.1 MTIB akan memberi notis bertulis kepada Penyebut harga yang berjaya melalui Surat Setuju Terima (LOA).

15.2 Dengan perakuan ke atas Surat Setuju Terima (LOA) tersebut, satu kontrak yang mengikat terbentuk antara MTIB dan Penyebut harga yang berjaya tanpa mengambil kira sama ada dokumen kontrak sebenar akan disempurnakan atau tidak.

## 16.0 KONTRAK/ SUB-KONTRAK DAN MENYERAH HAK BEKALAN

- 16.1 Semua syarat yang terkandung di dalam dokumen sebut harga ini adalah sebahagian daripada kontrak yang akan ditandatangani di antara MTIB dan Penyebut harga yang berjaya. Penyebut harga yang berjaya dikehendaki menandatangani kontrak dengan MTIB dan membayar segala ganti rugi jika tidak memenuhi syarat-syarat kontrak.
- 16.2 Surat Setuju Terima (LOA) yang dihantar oleh MTIB kepada Penyebut harga yang berjaya dan Surat Perakuan Penyebut harga ke atas Surat Setuju Terima itu dianggap sebagai kontrak yang mengikat di antara MTIB dan Penyebut harga tanpa mengambil kira sama ada kontrak sebenar akan disempurnakan atau tidak.
- 16.3 Penyebut harga tidak dibenarkan mengesub-sewakan perkhidmatan kepada Penyebut harga lain. Penyebut harga tidak boleh menyerah hak apa-apa faedah di bawah kontrak ini tanpa dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada MTIB.

## 17.0 DOKUMEN KONTRAK PERJANJIAN

- 17.1 Penyebut harga yang berjaya dikehendaki untuk menandatangani satu Dokumen Kontrak Perjanjian sekiranya diminta oleh MTIB setelah Surat Setuju Terima (LOA) ditandatangani dengan sempurnanya.
- 17.2 Dokumen Kontrak Perjanjian hendaklah disediakan dalam **tiga (3) salinan asal** dan ditandatangani di ruangan yang telah ditetapkan serta segala kos berkaitan penyediaan Dokumen Kontrak Perjanjian seperti pengeseteman dan lain-lain, hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh penyebut harga.

## 18.0 BON PELAKSANAAN

- 18.1 Penyebut harga yang berjaya dikehendaki mengemukakan Bon Pelaksanaan dengan kadar peratus yang ditetapkan mengikut Perjanjian Setuju Terima seperti di bawah:

Nilai lebih dari **RM200,000.00** sehingga **RM500,000.00**, kadar peratusan Bon Pelaksanaan adalah sebanyak **2.5%** ke atas jumlah harga tawaran. Manakala, bagi nilai **lebih RM500,000.00**, Bon Pelaksanaan sebanyak **5%** dikenakan ke atas jumlah harga tawaran.
- 18.2 Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan berdasarkan contoh format akan ditetapkan oleh MTIB.
- 18.3 Bon pelaksanaan akan dipulangkan kepada Penyebut harga selepas **dua belas (12) bulan** selepas tarikh tamat tempoh kontrak dengan syarat MTIB berpuas hati bahawa syarat-syarat dan obligasi kontrak telah dipenuhi sehingga pembekalan yang terakhir dan semua peralatan berkaitan berkeadaan baik serta memuaskan.
- 18.4 Penyebut harga yang berjaya dan telah mengikat kontrak dengan MTIB dikehendaki membayar tuntutan ganti rugi sekiranya didapati Penyebut harga tersebut melanggar syarat-syarat kontrak dan disabitkan kesalahan.

## **19.0 PEMATUHAN KEPADA ARAHAN KESELAMATAN DAN UNDANG-UNDANG KERAJAAN**

Penyebut harga hendaklah mematuhi segala syarat-syarat berkaitan keselamatan di tapak kerja semasa menjalankan perkhidmatan serta mematuhi segala akta, peraturan dan undang-undang Kerajaan Malaysia yang berkaitan dan berkuat kuasa semasa pelaksanaan perkhidmatan/ pembekalan.

## **20.0 PENAMATAN PERKHIDMATAN**

Dengan memberi notis bertulis kepada Penyebut harga yang berjaya dan dengan tiada apa-apa tindakan selanjutnya MTIB boleh terus menamatkan perkhidmatan sekiranya Penyebut harga gagal memenuhi terma/ syarat yang telah ditetapkan dalam Surat Setuju Terima (LOA).

## **21.0 PEMBATALAN SEBUT HARGA**

21.1 Pihak MTIB berhak membatalkan proses sebut harga ini sekiranya diperlukan tanpa memberi sebarang apa-apa alasan. Sebarang kos terpaksa ditanggung oleh pihak Penyebut harga kerana urusan sebut harga ini adalah menjadi tanggungjawab Penyebut harga sendiri.

21.2 Sekiranya MTIB bercadang untuk membuat pindaan ke atas dokumen tawaran sebut harga ini, maka MTIB boleh berbuat demikian dengan mengeluarkan Notis Sebut Harga kepada semua Penyebut harga sebelum tarikh tutup sebut harga.

## **22.0 KOS SEBUT HARGA**

22.1 Penyebut harga mestilah menanggung sendiri semua kos berkaitan dengan penyediaan dan penghantaran sebut harga. MTIB tidak akan bertanggungjawab ke atas kos-kos tersebut.

22.2 MTIB tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos yang terlibat oleh Penyebut harga sekiranya sebut harga ini dibatalkan.

## **23.0 PELAKSANAAN INTEGRITI PACT DALAM PEROLEHAN KERAJAAN**

Bagi mengukuhkan usaha ke arah meningkatkan integriti dan ketulusan dalam perolehan Kerajaan, penyebut harga dikehendaki untuk menandatangani *Integrity Pact* berdasarkan Garis Panduan seperti berikut:

### **23.1 Semasa Penghantaran Dokumen Tawaran Oleh Penyebut Harga:**

Kesemua penyebut harga yang menghantar dokumen sebut harga hendaklah menandatangani Surat Akuan Pembida bahawa penyebut harga tidak akan menawarkan atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat.

## 23.2 Semasa Menandatangani Surat Setuju Terima Oleh Penyebut harga Berjaya:

Penyebut harga yang berjaya dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya bahawa penyebut harga yang berjaya tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat.

## 24.0 AKTA RAHSIA RASMI

Penyebut harga yang berjaya adalah terikat dengan Akta Rahsia Rasmi Kerajaan Malaysia bagi setiap maklumat yang diperolehi dari MTIB sepanjang tempoh kontrak berkuat kuasa.

## 25.0 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

Penyebut harga adalah diingatkan mengenai kesalahan rasuah kepada syarikat/ kontraktor/ firma perunding/ penjawat awam atau mana-mana pihak yang berkaitan seperti berikut:

- 25.1 Sebarang perubahan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].

*Any act or attempt to corruptly offer or give, solicit or receive any gratification to and from any person in connection with this procurement is a criminal offence under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 [Act 694].*

- 25.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].

*If any person offers or gives any gratification to any members of the public service, the latter shall at the earliest opportunity thereafter lodge a report at the nearest office of the Malaysian Anti-Corruption Commission or police station. Failure to do so is an offence under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 [Act 694].*

- 25.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].

*Without prejudice to any other actions, disciplinary action against a member of the public service and blacklisting of the contractor or supplier may be taken if the parties are involved with any act of corruption under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 [Act 694].*



- 25.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].

*Any contractor or supplier who makes a claim for payment in relation to this procurement although no work was carried out or no goods were supplied or no services rendered in accordance with the specifications and any member of the public service who certifies the claim commits an offence under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 [Act 694].*

## **26.0 TARIKH TUTUP**

- 26.1 Tarikh tutup sebut harga adalah pada **8 Disember 2023 (Jumaat), jam 12.00 tengah hari**. Sebut harga hendaklah dikemukakan kepada MTIB pada atau sebelum waktu dan tarikh tersebut. **Sebut harga yang lewat tidak akan dipertimbangkan.**
- 26.2 Semua maklumat hendaklah sebaik-baiknya **ditaip/ ditulis dengan jelas**. **Sila Ambil Perhatian Bahawa Borang Sebut Harga Dan Lampiran Yang Berkaitan Yang Tidak Diisi Dengan Lengkap, Tidak Disertakan Salinan Sijil/ Dokumen Wajib Atau Tidak Ditandatangani Akan Ditolak.**

## **27.0 HARGA INDIKATIF JABATAN**

- 27.1 Harga Indikatif Jabatan bagi sebut harga ini adalah **Ringgit Malaysia: Tiga Ratus Lima Puluh Ribu Sahaja (RM350,000.00)**.
- 30.2. Harga Indikatif Jabatan ini merupakan suatu anggaran sahaja dan amaun tersebut tidak mengikat Kerajaan atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit.
- 30.3. Pihak Kerajaan tidak menjamin bahawa syarikat akan dipilih atau boleh menyiapkan kerja dengan bersandarkan Harga Indikatif Jabatan.

**SEKSYEN C**  
**SYARAT-SYARAT KHAS KEPADA PENYEBUT HARGA**

**1.0 PENENTUAN TEKNIKAL**

- 1.1 Penentuan teknikal yang perlu dipatuhi bagi sebut harga ini adalah seperti di **LAMPIRAN T1** dan Penyebut Harga adalah dikehendaki melengkapkan maklumat serta keterangan terperinci yang berkaitan pada **setiap lampiran yang telah ditetapkan**. Maklumat tambahan sekiranya ada perlu dikepilkan bersama dokumen sebut harga.
- 1.2 Penyebut Harga mempunyai **tiga (3) pilihan** untuk mengemukakan tawaran bagi Sebut Harga ini seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Pakej</b>	<b>Perkara</b>
1.	<b>A</b>	Membekal, menghantar, memasang, menguji dan mentauliah <b>Mesin <i>Automactic Edge Banding</i></b> (Dalam Tempoh Jaminan) Bagi Kegunaan Pusat Pembangunan Latihan Kemahiran Industri Kayu (WISDEC) Sabah; atau
2.	<b>B</b>	Membekal, menghantar, memasang, menguji dan mentauliah <b>Mesin <i>Laser Cutting</i></b> (Dalam Tempoh Jaminan) Bagi Kegunaan Pusat Pembangunan Latihan Kemahiran Industri Kayu (WISDEC) Sabah; atau
3.	<b>A dan B</b>	Membekal, menghantar, memasang, menguji dan mentauliah <b>Mesin <i>Automatic Edge Banding</i> dan Mesin <i>Laser Cutting</i></b> (Dalam Tempoh Jaminan) Bagi Kegunaan Pusat Pembangunan Latihan Kemahiran Industri Kayu (WISDEC) Sabah.

**2.0 PENENTUAN PERKHIDMATAN**

- 2.1 Perakuan penerimaan perkhidmatan bagi sebut harga ini hanya akan dibuat setelah perkhidmatan tersebut diperakukan oleh pegawai MTIB yang diberi kuasa. Pegawai MTIB tersebut berhak membuat penolakan terhadap perkhidmatan yang tidak memenuhi keperluan spesifikasi teknikal.
- 2.2 Perkhidmatan yang diberikan mestilah mematuhi spesifikasi seperti di Jadual Pematuhan Spesifikasi Teknikal di **LAMPIRAN T1**.
- 2.3 Pembekalan, penghantaran, pemasangan, pengujian, dan pentauliah (dalam tempoh jaminan) mesin adalah sehingga boleh digunakan dan berfungsi dengan baik.
- 2.4 Jaminan atau waranti meliputi semua mesin dan peralatan yang dipasang di semua lokasi yang telah ditetapkan adalah dengan tempoh **sekurang-kurangnya satu (1) tahun**. Penyebut Harga perlu memberikan khidmat penyelenggaraan dan sokongan yang perlu (dalam tempoh jaminan).
- 2.5 Sebarang kerosakan ke atas kesemua mesin semasa tempoh jaminan hendaklah ditanggung oleh pihak pembekal dari segi peralatan, perkhidmatan, pertukaran, kewangan dan lain-lain yang bersangkutan tanpa kos tambahan kepada MTIB.

### 3.0 MESIN

Penyebut Harga dikehendaki memberikan tawaran untuk **Perkhidmatan Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji Dan Mentauliah Mesin (Dalam Tempoh Jaminan) Bagi Kegunaan Pusat Pembangunan Latihan Kemahiran Industri Kayu (WISDEC) Sabah, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)** seperti berikut:

Bil.	Mesin/ Peralatan	Kuantiti
<b>Pakej A</b>		
1.	Mesin <i>Automatic Edge Banding</i>	1 unit
<b>Pakej B</b>		
1.	Mesin <i>Laser Cutting</i>	1 unit

### 4.0 SENARAI AHLI PASUKAN PROJEK

Penyebut Harga dikehendaki menyediakan maklumat berkaitan senarai ahli pasukan projek beserta **Curriculum Vitae (CV)** bagi setiap ahli pasukan projek tersebut seperti di **LAMPIRAN T3** dalam dokumen ini.

### 5.0 MAKLUMAT DAN PENGALAMAN SYARIKAT

Penyebut Harga perlu menyediakan maklumat mengenai syarikat seperti di **LAMPIRAN K3** dan senarai pengalaman Penyebut Harga seperti di **LAMPIRAN T4** dalam dokumen ini.

### KATALOG DAN/ ATAU RISALAH

- 5.1 Penyebut Harga hendaklah mengemukakan **katalog dan/ atau risalah** berkaitan peralatan yang akan dibekalkan seperti di **LAMPIRAN T6** berdasarkan maklumat spesifikasi yang telah ditetapkan.
